

Mahathir tidak mahu pemimpin tamak

MELAKA 16 April - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad tidak mahu para pemimpin bersikap tamak dengan bekerja sematamata untuk kepentingan diri sendiri.

Tegas Perdana Menteri, para pemimpin hendaklah bekerja untuk kepentingan generasi yang akan datang.

Beliau menyatakan demikian semasa berucap merasmikan serentak Muzium Belia, Muzium Ethnografi, 'Muzium Sejarah dan Pameran Melaka Sedekad (1982- 1992) dekat Bandar Hilir di sini ha& ini.

Menurut beliau, apa yang dibuat sekarang ini adalah untuk diwarisi oleh generasi yang akan datang.

Dalam hal ini, beliau berkata, sekiranya para beliau mengetahui bagaimana negara ini maju dan membangun, mudahlah bagi mereka untuk mengekalkan segala yang diwarisi daripada generasi sebelum mereka.

Perdana Menteri berkata, amatlah penting untuk rakyat mengetahui sejarah dan asal usul mereka bagi memudahkan langkah yang perlu diambil untuk maju ke depan.

Oleh kerana itu, beliau berpendapat muzium ini dapat membentuk peribadi sesuatu

bangsa kerana bangsa itu tidak mengetahui sejarah dan asal usul mereka.

Ini penting, katanya, untuk mereka menentukan arah mana yang hendak dituju sama ada ke arah kemajuan atau sebaliknya.

Beliau berkata, sekiranya rakyat berani menghadapi cabaran tidak mustahil kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka akan berulang lagi dalam bentuk zaman ini.

Sementara itu, semasa berucap di jamuan makan malam negeri dekat Dewan Hang Jebat, Pusat Ekspo Air Keruh, malam tadi, Perdana Menteri berkata, semua kaum boleh mencapai kemajuan dan kejayaan asalkan mereka sanggup menukar cara dan nilai hidup yang tidak baik kepada yang baik.

Beliau berkata terdapat pencapaian yang berbeza antara kaum di negara ini, ia berlaku kerana perbezaan nilai dan cara hidup sesuatu kaum itu.

Dalam hal ini, beliau memberi contoh tentang masyarakat Arab yang mengamalkan nilai-nilai yang baik selepas memeluk agama Islam sehingga menyebabkan mereka dapat menakluk banyak kawasan ter-

masuk Perancis, Sepanyol dan Austria.

Oleh kerana itu, katanya, ukuran kemajuan dan kejayaan sesuatu bangsa itu bukan dinilai dari paras rupa dan kulit tetapi dari nilai dan cara hidup yang diamalkan oleh mereka.

Menurut Dr. Mahathir, sekiranya mahu dihormati oleh orang lain, rakyat negara ini haruslah menunjukkan kebolehan mereka kepada dunia.

"Sekiranya kita mencapai kemajuan dan kejayaan, orang luar akan menghormati kita tanpa disuruh, begitulah sebaliknya jika kita lemah," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kerjasama antara kerajaan dan swasta penting untuk memaju dan membangunkan negara ini.

Beliau juga berkata, kerjasama antara rakyat juga penting dan adalah lebih baik sekiranya dielakkan sebarang permusuhan antara kedua-dua mereka itu.

Pada malam tadi juga, Perdana Menteri telah menerima buku Wawasan Mahathir 1981-1992 yang disusun oleh Yusof Hanm, salah seorang anggota kebudayaan Briged Seni.